

## **UMP Pilih Peserta bagi Pendakian Merdeka Kinabalu UMP 2015**



Cameron Highland, 12 April- Pusat Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) mengadakan sesi pemilihan peserta peringkat ketiga yang diadakan di Gunung Brinchang, Cameron Highland, Pahang baru-baru ini sebagai persiapan bagi projek menjayakan Pendakian Merdeka Kinabalu UMP 2015.

Seramai 38 orang calon peserta terlibat dalam sesi pemilihan bagi mengenalpasti tahap kekuatan mental, fizikal, kerohanian dan disiplin para peserta. Pemilihan diselia oleh Muhamad Illaham Ishak yang merupakan seorang yang berpengalaman dalam aktiviti mendaki gunung termasuk Gunung tertinggi di dunia iaitu Gunung Everest. Beliau juga adalah jurulatih kepada pelajar UMP, Myrza Fasha Md Hamyrudin yang berjaya menakluk Puncak Everest beberapa tahun lalu.

Kumpulan ini juga diiringi seramai lima orang staf Pusat Sukan yang diketuai oleh Ketua Pusat Sukan, Mohd. Aznorizamin Ismail bersama empat staf dari JHEPA.



Menurut Aznor, peserta dibahagikan kepada lima kumpulan dan setiap kumpulan diselia oleh dua orang staf universiti. Antara aktiviti yang dijalankan semasa pemilihan tersebut ialah ikhtiar hidup, ketahanan mental dan mendaki Puncak Gunung Irau.

"Calon peserta menunjukkan semangat kerjasama yang erat dan kerjasama sepasukan yang cukup tinggi dan ini juga menyukarkan pihak kami untuk memilih dan menentukan pelajar yang benar-benar layak mewakili UMP untuk menawan Puncak Gunung Kinabalu nanti," katanya.

Beliau berpuashati dengan aktiviti yang dianjurkan dan semua peserta yang terlibat menunjukkan sifat kepimpinan, keberanian dan kerjasama selain mempermerkan disiplin yang tinggi dalam setiap aktiviti sepanjang program berlangsung.

Berita dan gambar disediakan Nor Adzizi Najiruddin dari Pusat Sukan dan suntingan oleh Bahagian Komunikasi Korporat.

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 22-05-2015, 16:30:10